

15/10/1997

Perlu lebih berusaha bantu anggota

im Sulaiman in London

LONDON, Selasa - Negara Komanwel perlu mengambil langkah khas bagi membantu negara lain dalam pertubuhan itu untuk menyesuaikan dengan persekitaran pembangunan baru global.

Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku, berkata bantuan juga perlu diberikan bagi mereka dalam menghadapi atau menyelesaikan masalah pembangunan.

"Kita tahu pembangunan adalah cabaran serius kepada beberapa negara Komanwel. Sehubungan itu, kita perlu bersama-sama membantu mereka untuk membangun dan menghadapi cabaran pembangunan baru ini," katanya dalam laporan dua tahun sekali sempena Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland, dari 24 hingga 27 Oktober ini.

Seramai 54 ketua kerajaan negara Komanwel akan menghadiri mesyuarat itu yang bertemakan Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan: Jalan Menuju Kemakmuran Komanwel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara ketua negara Komanwel yang akan menyampaikan ucap tama di mesyuarat itu.

Dr Mahathir juga akan memberikan ucap tama bertajuk isu Utama Untuk Komanwel Dalam Menggalakkan Perdagangan dan Pelaburan dalam Forum Perniagaan Komanwel di London, yang pertama kali diadakan sempena CHOGM.

Anyaoku berkata, negara Komanwel kini menguasai 20 peratus daripada perdagangan dunia dan kadar ini meningkat dari setahun ke setahun.

Menurutnya, perkembangan pesat pembangunan, pelaburan dan perdagangan ini disebabkan hubungan positif di kalangan negara Komanwel .

"Kita yakin mesyuarat kali ini akan membuahkan hasil positif dalam meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan sesama negara Komanwel," katanya.

(END)